



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam

**GURU (G.3)
INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



- | |
|--|
| <p>1. GURU
INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
G.3 (\$1,310 - \$2,715 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)</p> |
|--|

KELAYAKAN MINIMUM:

1. *BDTVEC / BTEC* Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (*ND*) atau sebanding dalam bidang Al-Quran / Al-Quran dan Qiraat / Hafazan atau bidang bersesuaian.
2. Mempunyai Diploma Pendidikan / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan.

Bagi pemohon yang bukan mengikuti Program Pendidikan atau belum mempunyai Sijil Latihan Perguruan / Diploma Pendidikan sekiranya dilantik ke jawatan ini adalah dikehendaki untuk mengikuti latihan perguruan bagi mendapatkan Sijil Pendidikan Lepas Ijazah / Diploma Pendidikan / Sijil Latihan Perguruan dalam tempoh percubaan 3 tahun mulai tarikh dilantik ke jawatan ini.

3. Hendaklah mempunyai Sijil Khatam Hafaz Al-Quran 30 Juzu' oleh mana-mana institusi yang diiktiraf.
4. Lulus Ujian Tasmie' 10 Juzu' atau 20 Juzu' atau 30 Juzu' daripada Lembaga Tasmie' Tertinggi, Negara Brunei Darussalam.
5. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris dengan baik.
6. Keutamaan akan diberikan kepada calon **Perempuan**.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Memberikan pengajian / tasmie' dalam Hafazan Al-Quran;
2. Merancang, meneliti, melaksana dan memantau Hafazan Al-Quran pelajar-pelajar;
3. Memastikan pelaksanaan Kurikulum / sukatan pelajaran dilaksanakan dengan teratur;
4. Menjadi Tenaga Pengajar Hafazan Al-Quran;



5. Menyediakan Rancangan Mengajar Tahunan dan Harian; dan
6. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengetua dari semasa ke semasa.